

Soalan Lazim/ *Frequently asked question (FAQs)*

1. Adakah terdapat masa-masa tertentu untuk perkhidmatan ini?

Jawapan: Tidak. Terbuka sepanjang tahun

2. Adakah terdapat geran yang tertentu sahaja untuk perkhidmatan ini?

Jawapan: Tidak terhad kepada geran tertentu.

3. Siapakah yang layak/boleh memohon perkhidmatan ini?

Jawapan: Terbuka kepada semua, contohnya, kakitangan akademik, kakitangan bukan akademik, penyelidik di IPTA/IPTS/institut penyelidikan, calon pascadoktoral.

4. Adakah isi kandungan/idea yang terkandung dalam kertas cadangan penyelidikan akan disebar kepada pihak ketiga?

Jawapan: Tidak. Perunding perlu menandatangani dokumen perjanjian kerahsiaan iaitu Perjanjian Tanpa Pendedahan/*Non-disclosure Agreement (NDA)* sebelum perkhidmatan diberikan.

5. Adakah setiap kertas cadangan penyelidikan yang telah dimurnikan akan diterima/diluluskan oleh pemberi dana?

Jawapan: Servis ini bertujuan untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti cadangan penyelidikan dalam permohonan geran penyelidikan. Walau bagaimanapun, kelulusan sesuatu cadangan penyelidikan adalah tertakluk kepada syarat dan terma pemberi dana masing-masing.

6. Di mana pelanggan boleh mendapatkan maklumat tentang pakar bidang yang berkaitan dengan cadangan penyelidikan?

Jawapan: Maklumat tentang pakar bidang boleh dilayari dari laman web INBIOSIS (<https://www.ukm.my/inbiosis/en/perkhidmatan-konsultansi-penyelidikan/>)

7. Bagaimanakah pemilihan pakar runding dilakukan?

Jawapan: Pelanggan akan memilih 2 calon pakar runding yang berkenaan. Sekiranya Perunding Pilihan 1 dan 2 tidak dapat melakukan perundingan di atas sebab yang tidak dapat dielakkan, pihak urusetia akan mencadangkan perunding lain yang memenuhi kriteria pemilihan berdasarkan bidang yang dicadangkan dalam kertas cadangan penyelidikan pelanggan.

8. Adakah perkhidmatan ini berbayar?

Jawapan: Ya. Bayaran adalah bergantung kepada pilihan pakej yang dipilih oleh pelanggan.

9. **Adakah hanya tertumpu kepada bidang yang berkaitan dengan biologi sahaja?**

Jawapan: Buat masa sekarang, bidang pakar runding adalah seperti dalam laman web INBIOSIS (<https://www.ukm.my/inbiosis/en/perkhidmatan-konsultansi-penyelidikan/>). Sekiranya ada permintaan, kami akan menambahbaik perkhidmatan ini dengan penambahan pakar runding daripada bidang lain.